



## **SIARAN AKHBAR**

Untuk Hebahan Segera

### **GREAT EASTERN TAKAFUL ANJUR *BIJAK AMWAL TAKAFUL SAVVY CHALLENGE***

Misi korporat dalam melahirkan generasi celik kewangan dan takaful dari peringkat awal

Kuala Lumpur, September 2016 - Great Eastern Takaful Berhad (GETB) menganjurkan pertandingan akhir *Bijak Amwal Takaful Savvy Challenge* buat pertama kali di antara dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju Zon R10 dan Sekolah Kebangsaan Convent (1) Bukit Nanas melalui program tanggungjawab sosial korporat.

Program Bijak Amwal yang telah melalui peringkat saringan di sekolah masing-masing pada bulan Ogos yang lalu dan berakhir dengan pertandingan *Bijak Amwal Takaful Savvy Challenge*. Sebanyak 6 sesi pembelajaran telah diadakan yang melibatkan 82 pelajar tahun empat (4) menerusi program ini dan seterusnya bertanding untuk merebut gelaran juara dan naib juara beserta hadiah wang tunai untuk dua (2) kumpulan terbaik dari kedua buah sekolah.

YM Tengku Sheila Tengku Azib, Presiden Kanan, Jenama & Komunikasi mengulas bahawa "*Bijak Amwal yang berslogankan 'Menjana Minda' atau 'Empowering Minds' adalah sebuah program teras Great Eastern Takaful yang berasaskan komitmen tanggungjawab sosial kami kepada masyarakat. Para pelajar yang menyertai program Bijak Amwal ini didedahkan dengan takaful dan pengurusan kewangan yang cekap dari usia muda*".

Tambah beliau lagi, *“Adalah menjadi harapan kami agar generasi muda kita dididik tentang kesedaran mempunyai perlindungan serta memahami kepentingan dan peranan perlindungan takaful itu sendiri dalam kehidupan mereka pada masa hadapan”*.

*“Melalui sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia, tahun ini adalah permulaan kepada tiga (3) tahun penganjuran pertandingan ini yang akan melibatkan sekolah-sekolah di kawasan Lembah Klang. GETB berharap supaya dapat diperluaskan kepada di sekolah-sekolah di luar bandar”*, ujar beliau.

*“Konsep Takaful menjadi inspirasi kepada visi Great Eastern Takaful iaitu ‘Paving the way to a great & colourful life’. Penglibatan kami iaitu Great Eastern Takaful terhadap aktiviti seperti ini merupakan satu pengisian penting dan kami harap dapat memberi kesan yang bermakna kepada semua pihak, sama ada masyarakat sekitar dan juga para pelanggan kami termasuk para pemegang amanah. Melalui program CSR kami ingin meningkatkan kesedaran takaful dalam masyarakat di mana kita tinggal dan bekerja, dan bagaimana ia boleh menjadi instrumen ekonomi yang berkesan untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan keluarga dan akhirnya masyarakat”*, kata beliau mengakhiri perbualan.

Great Eastern Takaful telah mula beroperasi pada tahun 2010 serta dimiliki oleh Great Eastern Holdings dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

-Tamat-

### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usahasama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi AngkatanTentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, syarikat telah mencapai kemajuan yang besar yang mana telah dianugerahkan sebagai di mana ia dinamakan 'Best New Islamic Institution' tahun 2011; 'Best New Takaful Institution' pada tahun 2012; dan 'Best Takaful Operator (Asia)' 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai.

---

Untuk sebarang maklumat berkaitan media, sila hubungi:

Zuwita Zaini, Brand & Marketing Communications

Tel: 03 4259 8344 or e-mail: [zuwitazaini@greateastertakaful.com](mailto:zuwitazaini@greateastertakaful.com)

Aida Yuhaniza Ahmad, Brand & Marketing Communications

Tel: 03 4259 8352 or e-mail: [aidayuhanizaahmad@greateastertakaful.com](mailto:aidayuhanizaahmad@greateastertakaful.com)